

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 MEI 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pengukuhan industri Malaysia bagi depati cabaran revolusi perindustrian keempat	BERNAMA
2.	Empowering Malaysian industry in the face of fourth industrial revolution	BERNAMA
3.	Is it safe to save data online?	BERNAMA
4.	Selamatkan data disimpan dalam talian?	BERNAMA
5.	Inovasi herba FRIM	Utusan Malaysia
6.	TPM peruntuk RM2 juta dana TFF	Utusan Malaysia
7.	Cyber security key for automotive industry growth	New Straits Times



Penguatan Industri Malaysia Bagi Depani Cabaran Revolusi Perindustrian Keempat



KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Industri Malaysia perlu bersedia bagi mendepani gelombang Revolusi Perindustrian Keempat (Industry 4.0) dengan memiliki ilmu yang lebih relevan bagi mencetuskan inisiatif kerjasama antara pemain industri dan pelanggan masing-masing.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata masyarakat perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai pendekatan, kemampuan dan strategi revolusi perindustrian berkenaan bagi mendapatkan manfaat sepenuhnya daripada era baharu tersebut.

Industry 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu yang bakal merancakkan kemajuan dan mencorakkan landskap dunia moden serta kesan kumulatifnya terhadap dunia.

"Keseluruhan idea Revolusi Perindustrian Keempat ini adalah ilmu...kita melakukan pembaharuan untuk menyelesaikan masalah serta mewujudkan dan menyusun setiap segmen pasaran seperti industri pertanian yang paling kurang mendapat perhatian masyarakat," katanya.

Madius berkata demikian di luar Persidangan Penguatan Rakan Perkongsian Industri-Akademik anjuran Universiti UCSI di sini, Selasa.

Antara peserta persidangan tersebut ialah Naib Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Jacob Lee Chor Kok dan Naib Canselor dan Presiden UCSI, Prof Datuk Dr Khalid Yusoff.

Persidangan tersebut bertujuan mewujudkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman revolusi terkini selain membincangkan kesan potensi kepada kerajaan, industri, pendidikan dan masyarakat serta mengatur strategi antara pihak industri dan akademik bagi menghadapi cabaran tersebut.

Ia juga menekankan terhadap kepentingan memperoleh idea inovatif bukan sahaja daripada pemain industri malah jdaripada pengguna produk.

-- BERNAMA



Empowering Malaysian Industry In The Face Of Fourth Industrial Revolution

KUALA LUMPUR, May 24 (Bernama) -- Malaysian industry should be ready for the Fourth Industrial Revolution by acquiring more relevant knowledge to initiate cooperation between industry players and their clients.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said people should enhance their knowledge of the revolution and strategise to best benefit from it.

The Fourth Industrial Revolution captures the idea of the confluence of new technologies and their cumulative impact on the world.

"The whole idea of the Industrial Revolution is knowledge, we innovate to resolve the problem and come up with the right market and revamp every market sectors such as in agricultural industry which had the least interest among the public previously," he said.

Madius said this on the sidelines of the 'Strengthening Industry-Academia Partnership' or SIAP conference at the UCSI University here yesterday.

Organised by the university, the conference aimed at creating awareness and enhance understanding of the latest revolution besides discussing potential impact to government, industry, education and society, as well as to strategise industry-academia partnership for its challenges.

The conference also stressed on the the importance of getting innovative ideas not just from people who ruled the industry but also from the industry and product users as well.

Those who attended included Federation of Malaysian Manufacturers vice-president Jacob Lee Chor Kok and UCSI vice-chancellor and president Prof Datuk Dr Khalid Yusoff.

-- BERNAMA



Is It Safe To Save Data Online?

By Mohd Hisham Abdul Rafar

SEREMBAN, May 25 (Bernama) -- The threat from the 'Wanncry' ransomware which has affected the world, including England, in its most recent attack, has caused many to question the safety of data stored online.

The cyber virus attack preys on governments or companies as well as individual internet users, causing them to lose information, sensitive and confidential data, whether temporarily or permanently, which results in the disruption of operations.

In a borderless world, the rapid flow of technology 'forces' people worldwide to celebrate its progress in all aspects of life and work, including the management of personal records or organisations via online.

Previously, the record management used the more conventional method of documenting via paper. However, we have now shifted to an electronic management system which is far more efficient and environment-friendly.

A senior lecturer at the Centre of Record Management Studies, Faculty of Information Management, at Universiti Teknologi MARA's (UiTM) Puncak Perdana campus, Shah Alam, Selangor, Mohd Nizam Yunus when commenting on the threat said that hacking currently posed the highest risk in record management.

"This cyber attack not only puts data and records at risk, but also forces victims to pay ransom for the release of their data from the hackers. This shows that data and records saved electronically are vulnerable as it can be easily invaded.

"We do not know if ransomware hackers merely lock data from being used or whether they have actually made copies of the data to their server for ill intentions," he told Bernama recently.

Meanwhile, **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** was quoted to have said on May 18 that cyber attacks now could be assumed as high-level threats to the world and most of the virus came from porn sites, news and dubious links.

He added, following the trend, Malaysia needed to invest in the field of research and development (R&D), especially on cyber security, as the threat would continue to increase from time to time.

Further commenting, Mohd Nizam said the recent situation triggers fear among the public and they felt insecure in saving data or records electronically, which further worsened the situation, especially in the operation of an organisation.

Taking in the example of internet banking, he said people were beginning to feel vulnerable with the system and resulted in banks becoming congested.

"If people are afraid to use internet banking then banks will be overcrowded again like in the early days when there was no internet banking...and people had to line up at counters to withdraw money. Some may not want to save their money in banks as they know banks can also do the transactions online," he explained.

Mohd Nizam urged people (individual users and organisations) to do record management via online and increase safety features to lessen the risk of being hacked.

"Basically, items saved online are still secure. However, the conventional method is still needed as backup, in the instance our records are hacked by the ransomware," he added.

Meanwhile, another senior lecturer of the same faculty, Alwi Mohd Yunus said in the context of the safety of records online, if the antivirus and security 'firewall' system were constantly updated and the control procedures for electronic records were complied with, then the chances for the ransomware or other virus attacks to invade were low.

Nevertheless, he stressed on the importance of the security issue which should not be underestimated.

"The National Archives of Malaysia (NAM) has issued a guideline and operating procedures for electronic records, in a structured or unstructured environment, from the findings of the electronic Archiving and Government Record System (e-SPARK) Committee that should be referred to and adopted by all government agencies in ensuring the security, public records and confidential government matters online.

"Among the main elements in the upkeep and security of public records comprising military and history records which the NAM has decreed should not be saved nor accessed through the main server," he said.

Thus, he urged those who wished to refer to historical materials to come to NAM as it was unavailable online unless the material did not affect national security.

-- BERNAMA



Selamatkah Data Di Simpan Dalam Talian?

Oleh Mohd Hisham Abdul Rafar

SEREMBAN (Bernama) -- Ancaman serangan siber 'Ransomware Wannacry' yang melanda seluruh dunia termasuk England baru-baru ini, sudah pasti membuatkan ramai pihak berfikir adakah selamat simpanan data dibuat dalam talian.

Ancaman terhadap sistem komputer tersebut menyasarkan organisasi sama ada kerajaan atau syarikat perniagaan serta pengguna internet individu di mana impaknya akan mengakibatkan kehilangan sementara atau kekal sesuatu maklumat, data sensitif dan sulit sehingga menjejaskan operasi sesebuah organisasi.

Dalam dunia tanpa sempadan, revolusi teknologi yang bergerak pantas hari ini 'memaksa' masyarakat dunia meraikan kemajuannya dalam segenap aspek kehidupan dan cara kerja termasuk pengurusan rekod peribadi atau organisasi dalam talian.

Jika dahulu, pengurusan rekod sama ada individu atau organisasi lebih kepada kaedah konvensional iaitu didokumenkan menggunakan kertas, namun kini beralih arah kepada sistem pengurusan elektronik yang lebih efisien dan mesra alam sekitar.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Mohd Nizam Yunus ketika mengulas mengenai ancaman ini berkata risiko paling besar dihadapi oleh pengurusan rekod pada masa kini ialah ancaman aktiviti penggodaman.

"Ini (ancaman penggodaman) sudah tentu akan menyaksikan bahawa data dan rekod berada dalam keadaan tidak selamat. Selain digodam, organisasi perlu membayar kepada penggodam untuk melepaskan data mereka dari cengkaman penggodam. Ini menunjukkan bahawa data dan rekod yang disimpan secara elektronik boleh diceroboh.

"Kita tidak tahu sama ada penggodam ransomware ini sekadar kunci data dari digunakan oleh organisasi atau mereka sebenarnya dah memuat turun salinan data-data itu ke dalam server penggodam ini dan data akan digunakan di masa lain untuk tujuan yang tak baik," katanya kepada Bernama di sini, baru-baru ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau pada 18 Mei lepas dipetik sebagai berkata serangan siber kini dianggap sebagai ancaman peringkat tinggi di seluruh dunia dan kebanyakan virus datang daripada laman pornografi, berita dan pautan meragukan.

Katanya, berikutan trend yang wujud itu, Malaysia perlu melabur dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), terutama keselamatan siber kerana ancamannya akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Mengulas lanjut, Mohd Nizam berkata keadaan yang menjadikan orang ramai menjadi takut dan merasa tidak selamat dengan data atau rekod yang disimpan secara elektronik, akan lebih memburukkan keadaan khususnya kepada operasi sesebuah organisasi.

Mengambil contoh perbankan internet, beliau berkata jika masyarakat mula rasa tidak yakin dengan sistem itu, maka keadaan di dalam sesebuah bank boleh menjadi sesak.

"Jika orang ramai takut menggunakan perbankan internet maka bank akan penuh semula seperti zaman sebelum ini di saat tiada perbankan internet...nak keluar duit pun kena ke kaunter malah mungkin ada yang tidak mahu simpan duit di bank kerana mereka tahu bank juga melakukan transaksi mereka dalam talian," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyarankan semua pihak baik individu mahupun organisasi melaksanakan pengurusan rekod dalam talian supaya mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan bagi mengurangkan risiko diceroboh.

"Secara asasnya, data atau rekod yang disimpan dalam talian masih selamat. Pun begitu, kaedah secara konvensional juga perlu dibuat sebagai 'pengganti' sekiranya rekod kita dicerobohi dan diminta membayar untuk mendapatkan maklumat yang kita perlukan," katanya.

Sementara itu, pensyarah kanan di fakulti yang sama, Alwi Mohd Yunus berkata dalam konteks keselamatan rekod dalam talian, jika sistem antivirus dan keselamatan tembok api sentiasa dikemaskini dan tatacara pengendalian rekod elektronik sentiasa dipatuhi, maka peluang serangan terhadap virus Ransomware atau serangan virus lain adalah rendah.

Bagaimanapun, beliau berkata isu keselamatan rekod dalam talian tetap menjadi isu penting yang tidak boleh dipandang remeh oleh semua pihak.

"Dalam konteks ini, Arkib Negara Malaysia (ANM) telah mengeluarkan panduan dan tatacara pengendalian dan keselamatan rekod elektronik, e-SPARK atau elektronik Sistem Pengurusan Arkib dan Rekod Kerajaan yang perlu dirujuk, diguna pakai oleh semua agensi kerajaan dalam memastikan keselamatan dan rekod rekod awam dan rahsia kerajaan dalam konteks dalam talian.

"Salah satu elemen utama kepada pemeliharaan dan keselamatan rekod awam meliputi rekod ketenteraan mahupun rekod sejarah, pihak ANM menetapkan bahawa ia tidak disimpan dan diakses melalui pelayan utama server oleh pengguna," katanya.

Untuk itu, beliau berkata mana mana pihak yang hendak merujuk kepada bahan sejarah perlu datang sendiri ke ANM untuk mendapatkannya kerana ia tidak didapati secara dalam talian kecuali bahan sejarah yang tidak sensitif kepada soal keselamatan negara.

-- BERNAMA

Inovasi herba FRIM

Oleh ASHRIQ
FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@
gmail.com



I NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) merupakan peneraju dalam penyelidikan dan mengembangkan sumber hutan termasuklah antaranya herba yang bermanfaat kepada masyarakat.

Terbaharu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), **Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar** telah melancarkan tujuh produk herba hasil R&D institut tersebut pada majlis perasmian Simposium Inovasi NRE 2017 di Kepong, Selangor.

Jelas Dr. Wan Junaidi, usaha mengetengahkan inovasi setiap agensi bawah kementerian berkenaan adalah bagi menyahut seruan Perdana Menteri yang mengistiharkan tahun 2016 sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY).

"Inovasi dan transformasi merupakan antara perkara yang diberikan perhatian khusus oleh kerajaan dalam usaha mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Tujuh produk inovasi FRIM tersebut adalah tongkat ali (*Eurycoma longifolia*), kacip fatimah (*Labisia pumila*), asam gelugor (*Garcinia atrovirens*), hempedu bumi (*Andropogon paniculata*), misai kucing (*Orthosiphon aristatus*), cucur atap (*Bacopa frutescens*) serta bunga ros (*Hibiscus sabdariffa*).

Selain itu, tiga memorandum persefahaman (MoU) antara FRIM dan rakan kerjasama juga dimeterai ke arah pengkomersialan hasil penelitikannya.

MoU tersebut adalah kerjasama dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan produk roselle (*Hibiscus sabdariffa* L) antara FRIM dan BumiNiche Trading Sdn. Bhd.



WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR (tiga dari kanan) bersama isteri Feona Wan Junaidi tertarik dengan produk herba hasil penyelidikan FRIM yang ditunjukkan oleh **Dr. Abd Latif** (kanan sekali) bersama barisan tetamu terhormat pada majlis perasmian Simposium Inovasi NRE 2017 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Seterusnya MoU kerjasama penyelidikan dalam bidang pembangunan produk buluh untuk pembinaan antara FRIM dan Kanger International Berhad dan MoU yang sama bersama Transwater Tenaga Sdn. Bhd. untuk R&D pembangunan gaharu, meningkatkan kecekapan proses distilasi serta kualiti minyaknya.

Simposium yang bertemakan *Merayakan Inovasi NRE* menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda negara khususnya dalam usaha mentransformasikan sektor awam.

"Bagi menyokong aktiviti R,D&I (penyelidikan, pembangunan dan inovasi), kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis dana untuk setiap fasa pelaksanaan R&D dan pengkomersialan.

"Sebagai tambahan kepada sokongan dana, kerajaan juga menyediakan pelbagai kemudahan fizikal dan khidmat nasihat seperti pusat inkubasi, infrastruktur R&D dan pengkomersialan, bantuan pemasaran serta audit teknologi yang disediakan oleh pelbagai agensi," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif**

Mohmod berkata, selaku agensi yang bertanggungjawab dalam R&D sektor perhutanan, pihaknya akan terus berusaha menghasilkan inovasi dan teknologi yang dapat memberi faedah kepada masyarakat.

"Inovasi ini dapat diguna pakai sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi yang merangkumi fasa penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan," katanya.

Usaha tersebut juga adalah selaras Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Akta 782) yang telah diwartakan pada 1 Oktober 2016. Akta tersebut membolehkan FRIM memainkan peranan dalam merangsang, mengusaha dan mengkomersialkan dapatan penyelidikan demi kepentingan pembangunan industri dan kelestarian berkaitan hutan.

Selaras dengan pengumuman Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY 2016) oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

FRIM turut terlibat dengan menyenaraikan lima teknologi yang dijadikan sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) program tersebut.

Lima teknologi itu adalah CIERA

(Eco-labelled disinfectant product) iaitu produk anti-MRSA, antiseptik dan disinfektan berasaskan bahan semula jadi.

Kedua adalah *La Natura*, produk makanan dan minuman daripada ekstrak polisakarida buah mengkudu yang mesra kepada pesakit diabetes kerana ia tidak mengandungi kalori dan menggunakan pemanis semula jadi.

Ketiga adalah produk spa iaitu *Forestra* yang merupakan gabungan ekstrak tumbuhan dan minyak pati semula jadi untuk aromaterapi dan kecantikan kulit. *Forestra* juga telah memperkenalkan rangkaian produk baharu untuk penjagaan ibu selepas bersalin.

Seterusnya adalah kaedah alternatif memproses kayu getah tanpa menggunakan bahan kimia, pengeringan suhu tinggi (HTD).

HTD merupakan proses pengeringan pantas serta rawatan fumigasi haba pada suhu tinggi tanpa menggunakan bahan kimia untuk mengawet kayu getah.

Terakhir adalah produk berasaskan gaharu iaitu produk semula jadi berasaskan gaharu seperti sabun, minyak wangi dan kopi.



Inovasi dan teknologi ini dapat diguna pakai sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi yang merangkumi fasa penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan."

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 25 MEI 2017 (KHAMIS)



BEBERAPA pekerja membersihkan ladang kelapa sawit. Cuaca yang tidak menentu sebelum ini menjejaskan pengeluaran hasil kelapa sawit. - GAMBAR HIASAN

TPM peruntuk RM2 juta Dana TFF

KUALA LUMPUR 24 Mei - Technology Park Malaysia Corp Sdn. Bhd., (TPM) memperuntukkan sebanyak RM2 juta Dana Mudah Cara Usahawan Teknologi TPM (TFF) bagi tempoh 2017 sehingga 2018.

Pengurus Besar Pembangunan Inkubasi dan Usahawan Teknologi Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Taman TPM, Azra'i Shu'ib berkata, kira-kira RM200,000 jumlah dana akan diluluskan tidak lama lagi dan permohonan sedang dinilai.

Katanya, dana yang diperkenalkan pada Mac lalu bertujuan memajukan lagi pembangunan usahawan teknologi di dalam negara untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"TFF akan menyediakan pinjaman mudah sehingga RM15,000

bagi setiap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan faedah tiga peratus setahun.

"TPM juga sentiasa komited untuk membantu para usahawan memacu pertumbuhan dengan menerokai pasaran asing," katanya kepada pemberita dalam taklimat media di sini hari ini.

TPM mempunyai infrastruktur bersepadu, kemudahan dan perkhidmatan sokongan untuk membantu usahawan yang berminat untuk mengkomersialkan idea mereka dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau.

Jelas Azra'i, pihaknya menyediakan ekosistem buat usahawan teknologi untuk memudahkan dan memupuk perusahaan berlandaskan pengetahuan dengan

menawarkan khidmat nasihat, kemudahan, peralatan dan khidmat sokongan.

"Kami menawarkan Pusat Pengkomersialan Teknologi bertujuan melengkapkan keperluan kepentingan negara untuk menggunakan teknologi bagi menjana pendapatan.

"Selain itu, Pusat Inkubasi Inovasi memberi perkhidmatan sokongan seperti latihan komprehensif, menjadi mentor dan perunding untuk memajukan keusahawanan teknologi," katanya.

Antara aktiviti perniagaan TPM, penyewaan premis inkubator yang sesuai untuk ahli sains, penyelidik, usahawan teknologi dan PKS serta sewaan kawasan untuk syarikat-syarikat berlandaskan teknologi.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS) : MUKA SURAT B16
TARIKH : 25 MEI 2017 (KHAMIS)

VIEWPOINT



**MADANI
SAHARI**

FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION

Cyber security key for automotive industry growth

While organisations such as Cyber security Malaysia and the Malaysia Digital Economy Corp have reached tremendous inroads in enhancing cyber security within the country, keeping our cyberspace free of attacks is everybody's responsibility.

EARLIER this month the world was rocked by the WannaCry cyber worm. Many of us, for the first time, heard of the term "ransomware". Most significant, it served as an eye opener for the ever-evolving threats we face as we move into the fourth industrial revolution – a future where connectivity is at the very core of our daily lives.

Today, a car processes a massive amount of data. Its electronic control unit processes fuel injection timing, engine torque and load, vehicle speed, spark plug firing, to name a few.

If we take a look at mid-range models in the market, consumers receive even more on-board diagnostics, including tyre pressure and fuel distance, not to mention automated safety features, such as lane departure warnings and blind spot detection.

Last year, 94 million cars were produced worldwide. Imagine this number growing, with each connected to the other – telematics, user behaviour, traffic flow patterns, engine operations and fuel consumption, all connected to servers around the world.

If we want to make connectivity our future, we must move the cy-

ber security agenda now.

While organisations such as CyberSecurity Malaysia and the Malaysia Digital Economy Corporation have reached tremendous inroads in enhancing cyber security within the country, keeping our cyberspace free of attacks is everybody's responsibility.

WannaCry is estimated to have affected 200,000 victims with more than 230,000 computers infected. With such massive damage, the public awareness litmus test is simple. How many of us were aware of the attack? Second and most important, how many among us have installed the latest security patch on our operating system?

If the likely answer for most of us is blank, then the way forward is quite simple – more must be done to raise public awareness of the need for cyber security.

While Malaysia Automotive Institute's Industry 4.0 initiatives have taken cyber security as one of the main pillars, a key national agenda would be to increase participation of the public in online security initiatives.

Recent breakthroughs include adoption of strong multi factor authentication, in which access is



For its Industry 4.0 initiatives, Malaysia Automotive Institute has made cyber security one of its main pillars. BLOOMBERG PIC

granted beyond passwords, requiring users to add another authentication layer such as fingerprints, retinal scans or voice activation.

With this in mind, local businesses now face new opportunities created from such demand for online security.

While our domestic industry has the competitive advantage of understanding the local market when it comes to security behaviour, I urge more parties to seize this opportunity to allow lo-

cally developed cyber technology to take centre stage.

Lastly, it is high time that significant investments in cyber security professionals and talent development is carried out.

Technology may be the security enabler, but at the end of the day, people are what matter the most.

madani@mai.org.my

The writer is the chief executive officer of Malaysia Automotive Institute.